

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama

Sidang Akademik 1997/98

September 1997

HMA 101 Pengantar Pengajian Bahasa Malaysia

Masa: [3 jam]

---

**KERTAS PEPERIKSAAN INI MENGANDUNGI SEPULUH [10] SOALAN DI DALAM DUA [2] HALAMAN.**

Jawab SEMUA soalan. Setiap soalan membawa markah yang sama.

Jawapan mestilah analitikal dan bernas dengan menggunakan Bahasa Melayu tinggi.

1. Manakah yang lebih dahulu lahir - bahasa lisan atau bahasa isyarat? Beri contoh yang sesuai bagi mendukung pernyataan anda.
2. Jika disusurgaluri kemahiran berbahasa, manusia purba lebih awal mengenali kemahiran menulis daripada kemahiran membaca. Jelaskan.
3. Bahasa Melayu memiliki bentuk tulisannya sendiri, iaitu Tulisan Jawi. Bagaimanakah tulisan ini terhasil?
4. Sila lukis Rajah Vokal bahasa Melayu baku, tulis dan tentukan kedudukan kesemua vokal tersebut termasuk diftong.
5. Bersetujukah anda bahawa sistem sebutan Bahasa Melayu baku ialah "dieja sebagaimana disebut dan disebut sebagaimana dieja?" Buktikan.
6. Bagaimanakah cara mengenal pasti bahawa sesuatu perkataan tersebut Kata Dasar, Kata Ulang, Kata Bersisipan, Kata Majmuk, dan Kata Berimbuhan. Beri contoh masing-masing lima [5] perkataan.
7. Ada pelbagai cara untuk menggolongkan perkataan inti (Kata Nama, Kata Sifat, dan Kata Kerja). Sila kemukakan cara anda mengenalpasti golongan kata bagi perkataan inti tersebut.

8. Ramai ahli bahasa yang bersetuju bahawa pola ayat selapis di dalam bahasa Melayu ialah empat [4], iaitu: FN + FN; FN + FK; FN + FSN; dan FN + FA. Sila kemukakan pola manakah yang sesuai bagi ayat yang berikut ini:

Ada nasi di dalam periuk.  
Ada udang di sebalik batu.  
Ada kereta di halaman rumah.  
Ada pelajar di dalam makmal.  
Ada air di daun keladi.

9. Apakah maksudnya bahasa sebagai alat berfikir?  
10. Trankripsikan pantun ini ke dalam bentuk fonetik.

Kucing kurus mandi di papan  
Papan bernama si padang jati  
Badanmu kurus tinggallah tulang  
Kurang makankah atau tak pernah mandi

(Lagu Musim Bunga, 1993:33)